

PM jumpa Dr Mahathir minta pendapat ekonomi

BH - 24/2/2006

SEREMBAN: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata peremuannya dengan Tun Dr Mahathir Mohamad, semalam untuk mendapatkan pandangan bekas pemimpin itu mengenai ekonomi Malaysia.

Beliau berkata, butiran perbincangannya dengan bekas Perdana Menteri berkisar kepada beberapa perkara berhubung pembangunan ekonomi yang akan dibentangkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"Dr Mahathir pemimpin lama dalam pembangunan negara... jadi, senang mendengar pandangan beliau. Saya gembira kerana pertemuan itu pertemuan yang baik," katanya.

Perdana Menteri berkata, pertemuan itu juga sama seperti yang diadakan dengan swasta dan pelbagai pihak lain, termasuk ahli akademik dan usahawan untuk mendapatkan pandangan mereka mengenai pembangunan negara.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis penyerahan cek pampasan RM250 juta kepada tuan punya tanah Felda Sendayan, dekat sini semalam.

Mengenai mesyuarat khas Kabinet yang diadakan semalam, beliau berkata, ia bagi membincangkan mengenai perkembangan industri tenaga negara dan kemajuan yang sudah dicapai setakat ini.

"Saya baru dengar taklimat daripada pihak industri... tidak boleh beritahu semua, kita bin-

cang mengenai dasar tenaga dan kemajuannya kerana tenaga sektor penting dalam RMK-9.

"Tambahan pula dengan keadaan dunia sekarang seperti kenaikan harga minyak. Kita bincang perkara yang perlu dipertimbangkan," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan mendapatkan kerjasama dan maklumat dari negara jiran jika perlu dalam usaha menangani penularan wabak selesema burung.

Katanya, penyakit itu boleh menular tanpa had, sekali gus memerlukan perkongsian maklumat di kalangan negara berjiran bagi mengelakkannya terus merebak.

Beliau mengarahkan Kementerian Kesihatan dan jabatan berkaitan memantau virus itu dan menggunakan segala mekanisme yang ada.

“ Adalah baik kerana Dr Mahathir turut memberi pandangan mengenai RMK-9”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri